



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : AKIDAH KETUHANAN DAN
SAINS

KOD MATA PELAJARAN : UMA 3032

KURSUS : DDT/DEE/DET/DEX

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

- S1 (a) Nyatakan maksud agama. (4 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) ciri agama wahyu yang membezakannya dengan agama budaya. (9 markah)
- (c) Bincangkan empat (4) ciri agama anda bagi menentukannya sama ada berbentuk agama wahyu atau budaya. (12 markah)
- S2 (a) Nyatakan dua (2) hubungan sains dengan akidah ketuhanan. (4 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) kaedah saintifik yang digunakan dalam pembuktian kebenaran sains moden. (9 markah)
- (c) Huraikan bidang-bidang sains menurut pembahagian sains secara umum. (12 markah)
- S3 (a) Nyatakan maksud sekularisme. (4 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) ciri yang membezakan kesepaduan ilmu Islam dengan konsep sekular terhadap ilmu. (9 markah)
- (c) Huraikan pembahagian ilmu menurut Islam berdasarkan hukum mempelajari ilmu. (12 markah)

- S4 (a) Terangkan peringkat perkembangan janin dalam rahim ibu menurut al-Quran atau sains. (7 markah)
- (b) Jelaskan dua (2) persamaan peringkat perkembangan janin yang dinyatakan dalam al-Quran dan sains. (8 markah)
- (c) Bincangkan dua (2) kesan dalam akidah ketuhanan anda hasil dari penelitian terhadap peringkat perkembangan janin manusia. (10 markah)
- S5 (a) Terangkan tiga (3) jenis racun yang terkandung dalam rokok serta kesan racun tersebut terhadap manusia. (7 markah)
- (b) Maksud al-Quran: “Dan janganlah kamu membunuh diri kamu, sesungguhnya Allah Maha Penyayang”.(an-Nisa’: 29)
Jelaskan hukum merokok menurut Islam berpandukan maksud ayat di atas. (8 markah)
- (c) Bincangkan dua (2) kesan merokok dalam usaha pembentukan modal insan berkualiti. (10 markah)
- S6 (a) Nyatakan maksud kitar semula. (4 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) kesan dari pembuangan dan pelupusan sampah tidak terurus terhadap alam. (9 markah)
- (c) Bincangkan tiga (3) kelebihan manusia berbanding makhluk lain yang membolehkannya mengurus alam dengan sempurna. (12 markah)